

|            |           |         |            |
|------------|-----------|---------|------------|
| TARIKH     | 27/6/2013 | SEKSYEN | Nasional   |
| MUKA SURAT | 13        | RUANGAN | Dlm Negeri |

## Kerajaan Arab Saudi belum putuskan jumlah jemaah haji Malaysia Pampasan kurang kuota tak dituntut

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**

**KUALA LUMPUR** 26 Jun - Kerajaan Malaysia tidak bercadang menuntut pampasan dari Arab Saudi selepas Riyadh mengurangkan kuota jemaah haji sehingga 20 peratus tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, tidak timbul isu bagi Malaysia untuk menuntut pampasan atau bayaran balik kerana kerajaan Arab Saudi masih belum memutuskan kuota jumlah jemaah haji dari Malaysia tahun ini.

"Kuota haji ini merupakan hak mutlak kerajaan Arab Saudi, sehubungan itu Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) saban tahun mengambil pendekatan menunggu hitam putih dan keputusan perbincangan antara kedua-dua negara tentang jumlah kuota haji yang diperuntukkan kepada Malaysia.

"Berbanding negara lain yang mempunyai pelbagai agensi menguruskan ibadah haji menyebabkan ada di antara mereka menyewa dan membayar tempahan lebih awal bagi urusan penginapan serta

makan minum di Arab Saudi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis penyerahan zakat perniagaan daripada Tabung Haji kepada Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), di sini hari ini.

Zakat bagi 2012 yang berjumlah RM4,274,611.38 itu disampaikan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail kepada Pengerusi PPZ-MAIWP, Datuk Mustafa Abdul Rahman.

Sebelum ini, kerajaan Indonesia menuntut pampasan dari Arab Saudi berikutan kerugian yang ditanggung selepas Riyadh mengurangkan kuota jemaah haji sehingga 20 peratus tahun ini.

Pengurangan itu telah menyebabkan kuota jemaah berdaftar Indonesia menurun daripada 211,000 orang kepada 168,800 orang.

Jurucakap Kementerian Hal Ehwal


Agama Indonesia berkata, pengurangan kuota berkenaan mengakibatkan kerugian kerana bayaran deposit telah dibuat untuk penginapan dan makan minum di Arab Saudi menjelang musim haji yang dijadualkan bermula September nanti.

Menurut jurucakap itu, kerajaan Indonesia membayar lebih 680 bilion rupiah (RM220.5 juta) bagi pakej biasa dan istimewa haji tahun ini.

Sementara itu, Jamil Khir memberitahu, setakat Januari hingga Jun tahun ini, PPZ-MAIWP berjaya mengutip zakat sebanyak RM171 juta.

Jelasnya, jumlah tersebut merupakan peningkatan kira-kira 15 peratus berbanding RM150 juta berjaya dikutip bagi tempoh yang sama tahun lalu.

"Saya melihat keadaan ini sebagai trend memberansangkan bagi kutipan zakat di Wilayah Persekutuan, sekali gus menunjukkan kekuatan ekonomi umat Islam semakin berkembang serta keyakinan masyarakat terhadap PPZ-MAIWP bagi mengagihkan zakat kepada golongan yang layak juga semakin meningkat," katanya.



**JAMIL** Khir Baharom menyaksikan penyerahan replika cek zakat perniagaan oleh Ismee Ismail (kiri) kepada Mustafa Abdul Rahman di Kuala Lumpur, semalam.